



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TUGASAN PENJAGAAN KESELAMATAN
PERSEKITARAN KAWASAN BANGUNAN KERAJAAN
F.3-4 EB.5 / F.1-2-3-4-5 EB.6 / F.1-2-3 EB.4-5 / F.1-2-3 EB.4 / F.1-2 EB.3
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENJAGA
PENJAGA MALAM
PENJAGA (MALAM)
PEMELIHARA KAWASAN
JAGA
PENJAGA KESELAMATAN
PENJAGA KESELAMATAN GUDANG
JABATAN-JABATAN KERAJAAN**

F.3-4 EB.5 (\$550 - \$700 EB KHAS \$715 - \$775 SEBULAN)
F.1-2-3-4-5 EB.6 (\$445 - \$790 EB KHAS \$805 - \$865 SEBULAN)
F.1-2-3 EB.4-5 (\$445 - \$700 EB KHAS \$715 - \$775 SEBULAN)
F.1-2-3 EB.4 (\$445 - \$650 EB KHAS \$660 - \$700 SEBULAN)
F.1-2 EB.3 (\$445 - \$590 EB KHAS \$600 - \$640 SEBULAN)
KEKOSONGAN = LIMA (05)

***BAGI JAWATAN YANG TIDAK DINYATAKAN DI ATAS DAN MEMPUNYAI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG SEBANDING BOLEH DIPERTIMBANGKAN MASUK KE PROSES PENGISIAN KLUSTER.**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Lulus Tingkatan 1 atau sebanding.
2. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan.
3. Bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk diluar waktu bekerja biasa dan di mana-mana Daerah jika diperlukan.
4. Keutamaan akan diberikan kepada calon **Lelaki**.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

SECARA AM:

1. Bertanggungjawab pada memastikan keselamatan harta benda Kerajaan, keseluruhan bangunan, pejabat, sekolah atau maktab semasa bertugas waktu siang atau malam;



2. Bertanggungjawab memeriksa bangunan dan kawasan sekeliling dari semasa ke semasa dan memastikan kawasan ini tidak dimasuki oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab;
3. Bertanggungjawab melaporkan sebarang kerosakan kejadian yang menjelaskan keselamatan bangunan dan kawasan sekelilingnya;
4. Memastikan semua pintu-pintu, pagar atau / dan pintu-pintu bilik pejabat ditutup dan dikunci;
5. Bertanggungjawab untuk memastikan lampu-lampu bangunan dipadamkan selepas waktu bekerja; dan
6. Menerima dan melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

a) **BERAKAS GARISON / BOLKIAH GARISON / CAWANGAN-CAWANAGAN / UNIT-UNIT:**

1. Bertanggungjawab untuk memastikan semua pintu / pagar bangunan telah ditutup dan dikunci rapi;
2. Bertanggungjawab memeriksa bangunan dan kawasan sekelilingnya dengan membuat rondaan dan memastikan kawasan berkenaan tidak dimasuki oleh orang yang tidak berkenaan;
3. Bertanggungjawab melaporkan sebarang kerosakan atau kejadian yang menjelaskan keselamatan bangunan dan kawasan-kawasan sekelilingnya; dan
4. Menjamin harta benda di dalam kawasan jagaan dengan baik.

b) **KAWALAN PADANG TEMBAK, PENANJONG GARISON:**

1. Bertanggungjawab menentukan keselamatan pengguna padang tembak keluar dan masuk serta memastikan orang lain tidak masuk mengganggu ketenteraman pengguna padang tembak semasa membuat latihan;



2. Menjamin kawalan keluar dan masuk dalam keadaan baik serta mengikut peraturan hukuman yang dikeluarkan;
3. Menjamin harta benda di dalam kawasan jagaan dengan baik;
4. Meronda kawasan padang tembak;
5. Menutup dan mengunci palang / pintu masuk selepas semua unit selesai membuat latihan; dan
6. Menahan serta memeriksa tujuan semua kenderaan keluar / masuk ke dalam padang tembak.

JABATAN DAERAH TEMBURONG, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

1. Bertanggungjawab menjaga keselamatan bangunan dan kawasan bangunan Pejabat Daerah Temburong atau bangunan-bangunan di bawah kawalan Jabatan Daerah Temburong;
2. Bertanggungjawab memeriksa bangunan dan kawasan sekeliling dari semasa ke semasa dan memastikan kawasan ini tidak dimasuki oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab;
3. Bertanggungjawab melaporkan sebarang kerosakan kejadian yang menjelaskan keselamatan bangunan dan kawasan sekelilingnya;
4. Bertanggungjawab untuk melaksanakan rondaan dalam dan luar bangunan pada sebelah malam;
5. Bertanggungjawab untuk memastikan lampu-lampu bangunan dipadamkan selepas waktu bekerja; dan
6. Menerima dan melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.